

**Tambah baik pendidikan ikut situasi global – Muhyiddin  
Utusan Online  
12 Mac, 2012**

ALOR GAJAH 11 Mac - Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, usaha kerajaan untuk mengkaji semula sistem pendidikan negara bukan ingin menafikan dasar pendidikan yang telah dilaksanakan sejak berpuluh tahun lamanya.

Sebaliknya, Timbalan Perdana Menteri berkata, kajian itu perlu dilakukan disebabkan situasi global semakin kompetitif yang memerlukan satu sistem pendidikan yang lebih menjamin masa depan.

"Kita percaya ada keperluan untuk kita melihat semula sistem pendidikan negara, apa yang dilakukan selama ini dan bagaimana hendak kita tentukan penambahbaikan.

"Usaha ini amat penting kerana dalam tempoh beberapa tahun yang akan datang kita dapat menggunakan sistem pendidikan yang boleh melahirkan modal insan yang lebih berkualiti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Golf Amal 1Malaysia anjuran Alumni dan PIBG Sekolah Tinggi Muar di Kelab Golf A'Famosa Resort di sini hari ini.

Golf amal itu diadakan bertujuan untuk mengisi dana Sekolah Tinggi Muar bagi membeli sebuah bas selain membantu pelajar dan PIBG menjalankan pelbagai aktiviti.

Muhyiddin yang juga bekas pelajar sekolah tersebut turut bermain golf bersama-sama Yang Dipertua Negeri, Tun Mohd. Khalil Yaakob serta bekas-bekas pelajar sekolah tersebut.

Pada majlis tersebut juga beliau turut menerima sumbangan daripada pelbagai pihak antaranya ialah Tan Sri Muhyiddin Yassin Golf Foundation menyumbang RM30,000; Leong Hup Holding yang juga pemilik A'Famosa Resort (RM24,000) dan Maha Persada Group (RM20,000).

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran berkata, proses di peringkat kementerian telah dimulakan apabila satu pasukan yang cukup berpengalaman dalam bidang pendidikan ditubuhkan bagi meneliti semua aspek pendidikan negara.

Beliau menegaskan kementerian akan mengadakan jelajah sesi dialog Pendidikan Kebangsaan bagi mendapat pandangan daripada semua pihak untuk memperkukuhkan sistem pendidikan di masa akan datang.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0312&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_04.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0312&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_04.htm)